

# اولادنا Auladuna

2023(UP) 600-002/042(43)

## Makanan Halal Lagi Baik

Jadilah Pengguna  
Bijak 7

Ciri-Ciri  
Makanan Halal 19  
& Haram



# Kandungan Auladuna

- KALAM AULADUNA — 3
- ASMA'UL HUSNA — 4
- KISAH TELADAN — 5
- KENALI AL-QUR'AN — 6
- PEKERTI AULADUNA — 7
- ADAB ISLAMI — 8
- KAMUS 3 BAHASA — 9
- KAMUS BRUNEI — 10
- BACA DAN SALIN SEMULA — 11

- INGIN TAHU — 12
- BINA PERKATAAN — 13
- MINDA IBADAT — 14
- BELAJAR BAHASA ARAB — 15
- ASAH MINDA — 16
- GAMBAR TERSEMBUNYI — 17
- KATA BERLAWANAN — 18
- INFO AULADUNA — 19
- DOA — 20

## Anggota Redaksi

**EDITOR**  
Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim

**PENOLONG EDITOR**  
Hajah Suriyati binti Haji Ahmad

**SUSUN ATUR & REKA BENTUK**  
Dahlan bin Chuchu

**PENYELARAS**  
Qairunnisa binti Haji Jalil

**PEMBAHAGI MAJALAH**  
Pg. Muhammad Rafiuddin bin Pg. Haji Badaruddin  
Nurul Nabilah binti Masri

**PEMBANTU PENYELARAS**  
Md. Zelihan bin Ahad  
Hjh. Ratna Wattie binti Hj. Abd. Karim  
Rokiah binti Hj. Mohd. Serudin  
Azizah binti Hidup  
Suriati binti Haji Ali Hussin  
Dayang Hayatun Syakirah Hj. Awang Abd. Ghani  
Hazey Suzainah binti Haji Shaya





## Makanan Yang Halal Lagi Baik

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**A**nak-anak, sebagai orang Islam kita hendaklah memilih makanan dan minuman yang halal dan bersih serta menjauhi makanan-makanan yang haram. Memakan makanan yang halal itu adalah salah satu perintah Allah Subhanahu wa Ta'alaa sepihama firman-Nya dalam surah al-Maa'idah ayat 88 mafhumnya: *Dan makanlah yang halal lagi baik daripada rezeki yang Allah telah kurniakan kepada kamu dan bertaqwalah kepada Allah yang kepada-Nya sahaja kamu beriman.*

Makanlah makanan yang halal dan berkhasiat. Ianya sangat penting dan bagus untuk kesihatan tubuh badan dan minda kita agar mudah untuk menumpukan perhatian kepada pelajaran, khusuk dalam beribadat dan selain itu kita juga akan memperoleh keberkatan daripada Allah Subhanahu wa Ta'alaa.

Oleh itu, jika anak-anak ingin membeli makanan atau minuman, lihatlah terlebih dahulu logo halal yang diiktiraf kerajaan. Jika ada, *in syaa Allah ianya selamat dan boleh untuk dimakan*. Selain itu, jika anak-anak sentiasa menjaga pemakanan dan memakan makanan yang halal akan menjadikan kita muslim yang lebih baik, shalih dan shalihah. *Amin ya Rabbal 'aalamiin.*



## Asma'ul Husna



الْوَدُودُ

### AL-WADUUD

Yang Maha Mengasihi

*The Loving, Affectionate One*

Al-Waduud bererti Dialah yang Mengasihi Orang-orang mu'min atau Dialah kekasih orang mu'min yang taat kepada-Nya.

Allah Subhanahu wa Ta'alaa berfirman dalam surah Maryam ayat 96 yang mafhumnya:

*Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan shalih, Tuhan yang Maha Pemurah akan menanamkan dalam hati mereka perasaan kasih sayang. (Mereka dikasihi oleh orang lain dan diredhai oleh Allah).*

Antara keistimewaan yang terdapat pada nama ini ialah orang yang berzikir dengan menggunakan nama ini akan menjadikan ia menyukai kebaikan dan menganjurkan kebaikan kepada semua manusia sehingga orang melakukan maksiat akan segera bertaubat dan orang yang sememangnya rajin beramal shalih akan tetap dalam ketaqwannya. Di samping itu ia akan sentiasa menanamkan perasaan kasih sayang terhadap sesama hamba Allah sehingga ia menjadi seorang yang pemaaf serta lembut hati terutamanya kepada kaum keluarganya.

# SAIYIDINA ABU BAKAR DAN MAKANAN

Saiyidina Abu Bakar ash-Shiddiq adalah seorang sahabat Rasulullah yang tergolong dalam golongan *Assaabiqun Al Awwalun* iaitu yang orang yang pertama masuk Islam. Saiyidina Abu Bakar juga merupakan seorang yang sangat berhati-hati dalam setiap aspek kehidupannya dan beliau juga sentiasa menjaga makanan yang dimakannya bukan dari sumber yang haram. Saiyidina Abu Bakar memiliki seorang budak lelaki (hamba sahaya) yang bekerja untuk beliau dan dia memberikan hasil usahanya kepada Saiyidina Abu Bakar.

Pada suatu hari, budak tersebut datang kepadanya dengan membawa sesuatu makanan, kemudian Saiyidina Abu Bakar pun memakannya. Lantas dia berkata kepada Saiyidina Abu Bakar, "Apakah anda tahu, hasil dari manakah ini?" Saiyidina Abu Bakar bertanya, "Hasil dari manakah ini?" Budak tersebut terus menjawab, "Dahulu pada zaman jahiliyah aku telah melakukan ramalan untuk seseorang, padahal aku sendiri sebenarnya tidak tahu meramal, aku hanya menipunya saja. Tadi dia menemuiku lalu memberikan kepadaku apa yang telah kau makan." Setelah budak lelaki itu mengatakan demikian, Saiyidina Abu Bakar pun segera memasukkan tangannya ke mulutnya dan memuntahkan semua apa yang telah dimakannya.

Beliau melakukan sedemikian agar dia tidak memakan dan mengisi perutnya dengan sesuatu yang haram. Apa yang baru sahaja dimakannya itu adalah harta haram kerana merupakan hasil dari perkara yang haram. Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dengan jelas telah melarang memakan hasil upah meramal atau menilik. Apa sahaja upah atau hasil sesuatu perbuatan haram, maka hukumnya juga adalah haram untuk dimakan.

Kisah tersebut menggambarkan betapa tingginya ketaqwaan dan keimanan Saiyidina Abu Bakar ash-Shiddiq. Beliau sangat berhati-hati menjaga anggota badan beliau dari menerima sumber makanan yang tidak halal.

Oleh yang demikian selain memakan makanan yang halal, cara memperolehnya juga itu hendaklah dari sesuatu yang halal. Jadinya sangat penting untuk tidak memakan makanan dan menerima pemberian dari seseorang yang diketahui dengan yakin hartanya itu bersumber dari penghasilan yang haram.



سُورَةُ الشَّرْحٍ

## SURAH ASY-SYARH

Surah ke 94 - 8 Ayat



Asy-Syarh bermaksud lapang dada. Surah ini dinamakan juga al-Insyiraah dan Alam Nasyrah.

2

Surah ini dinamakan asy-Syarh kerana pada permulaan surah ini Allah menjelaskan salah satu daripada ni'mat yang dikurniakan oleh Allah kepada Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* iaitu melapangkan dada baginda dan memeliharanya daripada dosa dan maksiat serta diterangi dengan hidayat, iman dan hikmah.

3

Tiga ni'mat yang dikurniakan oleh Allah kepada Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam*:

- Melapangkan dada baginda dengan hikmah dan iman.
- Memeliharanya daripada dosa dan maksiat.
- Mengangkat kedudukan dan status baginda di dunia dan di akhirat.

4

Allah menjanjikan bahawa setiap kesusahan dan kepayahan yang baginda hadapi pasti ada kemudahan dan segala kepayahan dan kesusahan itu akan berubah menjadi senang.

5

Surah ini mengandungi pengajaran supaya manusia terus melakukan amal shalih walaupun menghadapi rintangan dan cabaran.

# Jadilah Pengguna Yang Bijak



Pastikan bahan ramuan tidak ada yang meragukan.



## 2

Pastikan ada logo halal yang diiktiraf dan pembungkusannya dalam keadaan yang baik.



## 3

Pastikan tarikh mansuh sah digunakan.



**Makanan Halal  
Tanggungjawab bersama!**





## Adab Makan

**1**

Membaca doa sebelum  
dan selepas makan



**2**

Memastikan makanan  
halal dan berkhasiat



**3**

Makan dengan tangan  
kanan dan tiga jari

**6**



Menghargai makanan

**4**

Mencuci tangan sebelum  
dan selepas makan



**7**



Minum sambil duduk

**8**

# Kamus Tiga Bahasa



Bentuk بنتوق

Shapes الأشكال

Isi kotak yang kosong dengan jawapan yang betul

بُولت	سَكِيْ تِيك	بِيْتَش	سَكِيْ أَمْقَتْ ثَقْت	سَكِيْ أَمْقَتْ سَام	بُوجُور
-------	-------------	---------	-----------------------	----------------------	---------



Segitiga	Triangle		مُثَلِّث
----------	----------	--	----------




Bujur	Oval		يَنْصَوِي
-------	------	--	-----------




Bulat	Circle		دَائِرَةٌ
-------	--------	--	-----------



Bintang	Star		نَجْمٌ
---------	------	--	--------



Segi empat sama	Square		مُربَعٌ
-----------------	--------	--	---------



Segi empat tepat	Rectangle		مُسَطِّيلٌ
------------------	-----------	--	------------

## Kamus Brunei



**Tarukubi** ertinya Ungu

Contoh ayat:

Warna kereta itu **tarukubi** seperti warna terung.

**Mengelimut** ertinya Mengumpat

Contoh ayat:

Janganlah kamu **mengelimut** kerana itu perbuatan dosa.

**Ari Mulanya** ertinya Zaman Dahulu

Contoh ayat:

Harga barang **ari mulanya** tidaklah semahal pada hari ini.

ca & Salin Semula

حَلَالًا طَيِّبًا

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



# Logo Halal Majlis Ugama Islam Brunei

Anak-anak ingin tahu, bahawa Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengeluarkan Logo Halal Brunei yang tersendiri (demi kepentingan masyarakat Islam di negara ini) dalam usaha menitikberatkan dan menilai kehalalan sesuatu produk. Berikut adalah huraian Logo Halal Brunei yang perlu anak-anak ketahui:

Bentuk kubah Masjid Omar Ali Saifuddien melambangkan keunggulan dalam berpegang teguh kepada ajaran-ajaran Islam.

Bentuk huruf jawi Halal adalah moden dan mengikuti perkembangan semasa tanpa mempergodaikan nilai-nilai keislaman.

Bentuk bulatan direka pada melambangkan dunia pasaran halal yang luas dan bernilai berbilllion ringgit sedia untuk diterokai.

Ilusi matahari menaik pada waktu pagi setiap hari membawa mesej harapan ke atas logo berkenaan.

Warna biru mempunyai kepentingan khusus septicima ianya merujuk kepada langit dan air, unsur alami yang seerti dengan kehidupan dan kesejahteraan. Warna yang dibentuk diperolehi dari warna-warna tradisi dunia kesenian dan seni bina Islam.

Corak latar belakang hiasan kubah diperolehi dari ukiran yang terdapat di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah.



## Bina Perkataan

Cuba bina 14 perkataan daripada perkataan di bawah ini

### PERIKEMANUSIAAN



#### JAWAPAN BIL. 42

Ayah, Ayam, Basah, Bas, Esa, Emas, Gas,  
Hanya, Masa, Sembah, Sama, Sayang,  
saya, Sabah.



## Padankan perkataan dengan maknanya

MAKANAN  
HALAL

Sesuatu perkara  
yang samar dan tidak  
diketahui ianya halal  
atau haram.

MAKANAN  
HARAM

Makanan yang  
dibenarkan atau  
dibolehkan oleh  
syara'.

SYUBAH

Makanan yang tidak  
dibenarkan atau tidak  
dibolehkan untuk  
dimakan oleh  
hukum syara'.

## Belajar Bahasa Arab




HELANG

صَفْرٌ



IKAN

سَمَكٌ



BELALANG

جَرَادَةٌ

# Asah Minda



Tanda pada makanan yang halal dan pada makanan yang haram



Udang

Daging Khinzir



Arak

Nasi



Susu

Daging yang tidak  
disembelih

## Gambar Tersembunyi



## Kata Berlawan



Isikan jawapan yang betul bagi lawan perkataan di bawah ini:

وَسْخُ

Kotor  
Dirty

نظِيفٌ

Clean

جَائِعٌ

Lapar  
Hungry

شَبْعَانٌ

Full

جَمِيلٌ

Cantik  
Beautiful

قِيئَحٌ

Ugly

# Ciri-Ciri Makanan Halal & Haram

## Makanan Halal

- Makanan yang tidak diharamkan dalam al-Qur'an atau hadits seperti: lembu, kambing, buah-buahan dan sayur-sayuran.
- Makanan yang bersih, tidak memudharatkan kesihatan dan tidak merosakkan akal.
- Binatang yang disembelih dengan nama Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

## Makanan Haram

- Makanan yang dinyatakan haramnya dalam al-Qur'an atau hadits seperti: anjing, babi, arak dan lain-lain.
- Makanan yang boleh memudharatkan kesihatan badan & kewarasan akal.
- Binatang yang disembelih bukan kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.



# DOA

Mohon Rezeki Halal

اللَّهُمَّ أكْفِنِي بِحَلَالِكَ عَنْ حَرَامِكَ،  
وَأَغْنِنِنِي بِفَضْلِكَ عَمَّا سِواكَ

**ERTINYA:**

Ya Allah, cukupkanlah aku dengan rezeki-Mu yang halal (hingga aku terhindar) daripada yang haram.  
Kayakanlah aku dengan anugerah-Mu (hingga aku tidak meminta) kepada selain-Mu.